

Tanah rizab Melayu semakin tergadai

HANYA tinggal 3.6 juta hektar atau 20 peratus daripada 12.8 juta hektar keseluruhan tanah rizab Melayu di Semenanjung dimiliki penuh oleh orang Melayu.

Baki 9.2 juta hektar tanah rizab Melayu dikuasai orang bukan Melayu.

Ia berlaku kerana kegagalan orang Melayu mempertahankan tanah rizab mengikut Perkara 89 Perlembagaan Persekutuan.

Prof. Pelawat Universiti Pertanian Malaysia (UPM) dan Universiti Teknologi Mara (UiTM), Prof. Datuk Dr. Nik Mohd. Zain Nik



Perkara seumpama itu jika dibiarkan dibimbangi akan menyebabkan Malaysia menjadi seperti Palestin yang mana tanah mereka dirampas tanpa sebarang undang-undang oleh Israel."

PROF. DATUK DR. NIK MOHD. ZAIN NIK YUSOF

Yusof berkata, kegagalan paling jelas tanah-tanah rizab dirampas dengan mudah oleh orang asing apabila orang Melayu tidak tahu mengenai perkara tersebut.

BERITA DI MUKA 5

Wacana Isu Tanah Rizab Melayu

Agong bertindak sebagai penaung

KUALA LUMPUR 26 Okt.

- Kerajaan digesa supaya mewujudkan Lembaga Amanah Tanah Rizab Melayu dengan Yang di-Pertuan Agong bertindak sebagai penaung bagi menambah dan menjamin pengkelan saiz tanah rizab Melayu sebagaimana diwasiatkan Raja-Raja Melayu.

Pensyarah Kanan Jabatan Pengurusan Hartanah Fakulti Seni-bina, Perancangan dan Ukur Universiti Teknologi Mara (UiTM) Perak, Dr. Mohd. Hasrol Haffiz Aliasak berkata, lembaga amanah itu penting kerana tanah rizab kini hanya tinggal 11.99 peratus sahaja.

Katanya, perkara itu boleh direalisasikan walaupun tanah terletak di bawah bidang kuasa kerajaan negeri dengan membuka keanggotaan lembaga merangkumi Majlis Raja-Raja Melayu, wakil kerajaan negeri, wakil agensi berkaitan



MOHD. HASROL

Melayu dan Majlis Agama Islam.

"Tanah adalah lambang kedaulatan bangsa selain simbol penguasaan serta ketuanan sesebuah bangsa yang wajib dipertahankan jika kita tidak mahu Melayu akhirnya sekadar menjadi pendatang di bumi sendiri kerana jumlah

tanah rizab Melayu sekarang kritikal.

"Lembaga Amanah Tanah Rizab Melayu jika dapat diwujudkan oleh kerajaan saya percaya dapat melindungi kepentingan tanah rizab Melayu kerana lembaga ini akan bertindak sebagai pentadbir," katanya semasa berucap pada Wacana Isu Tanah Rizab Melayu di sini hari ini.

Wacana tersebut yang bertajuk *Tragedi Bangsa dan Langkah Pembetulan Segera* merupakan anjuran Biro Pemantauan dan Integriti Pertubuhan Pribumi Perkasa Malaysia

(Perkasa).

Menurut Mohd. Hasrol, kerajaan perlu menyahut cadangan itu kerana isu tanah rizab Melayu terkandung dalam wasiat Raja-Raja Melayu yang mahu tanah rizab dikekalkan sehingga 50 peratus selain diperkukuhkan lagi menerusi Perkara 89 Perlembagaan Persekutuan.

Jelasnya, kerajaan dan semua pihak berwajib perlu mengambil pengajaran daripada bangsa lain di dunia ini yang hilang tanah air akibat dominasi serta penguasaan golongan pendatang dengan menggantikan segera tanah rizab Melayu yang telah dilucutkan status.

"Mahukah kita jika tanah di Semenanjung tidak lagi dimiliki generasi Melayu pada masa hadapan? Di manakah kita hendak berteduh jika bumi ini milik orang lain dan mahukah kita sekadar jadi penumpang atas tanah milik nenek moyang kita," soalnya mengakhiri ucapan.

Tanah rizab Melayu hanya tinggal 20 peratus

KUALA LUMPUR 26 Okt. - Hanya tinggal 3.6 juta hektar atau 20 peratus daripada 12.8 juta hektar keseluruhan tanah rizab Melayu di Semenanjung dimiliki penuh oleh orang Melayu.

Baki 9.2 juta hektar tanah rizab Melayu yang seharusnya menjadi milik orang Melayu bagaimanapun berjaya diperoleh orang bukan Melayu meskipun status tanah masih sebagai tanah rizab Melayu.

Profesor Pelawat Universiti Pertanian Malaysia (UPM) dan Universiti Teknologi Mara (UiTM), Prof. Datuk Dr. Nik Mohd. Zain Nik Yusof yang mendedahkan perkara itu memberitahu, perkara itu berlaku disebabkan kegagalan orang Melayu mempertahankan tanah rizab mengikut perkara 89 Perlembagaan Persekutuan iaitu Memperkukuhkan Enakmen Rizab Melayu Negeri-Negeri.

Menurutnya, kegagalan paling jelas tanah-tanah rizab dirampas dengan mudah oleh orang asing apabila orang Melayu tidak tahu, semua tanah rizab yang dibatalkan daripada digunakan kerajaan negeri perlu diganti dengan merizabkan satu kawasan yang mempunyai keluasan sama dengan status sebagai tanah rizab Melayu.

"Perkara seumpama itu jika dibiarkan dibimbangi akan menyebabkan Malaysia menjadi seperti Palestin apabila tanah mereka dirampas tanpa sebarang undang-undang oleh Israel.

"Sehubungan itu, diharap kerajaan dapat melakukan kajian khas bagi melihat perangkaan tanah rizab yang telah hilang dan bagaimana untuk membantu orang Melayu memahami secara keseluruhan enakmen rizab Melayu," katanya.

Beliau berkata demikian ketika menjadi panel Wacana dan Forum: Isu Tanah Rizab Melayu anjuran Biro Pemantauan dan Integriti Pertubuhan Pribumi Perkasa Malaysia (Perkasa) dan Institut Pemikiran dan Tamadun Islam Antarabangsa (Istac) di sini hari ini.

Nik Mohd. Zain yang juga bekas Ketua Pengarah Pejabat Tanah dan Galian berkata, isu tanah rizab Melayu tidak akan selesai tanpa campur tangan pentadbiran negara memandang kerajaan negeri dilihat tidak bersungguh-sungguh memperjuangkan hak orang Melayu.

"Saya berkata benar, saya pernah bercakap sendiri dengan dua Menteri Besar meminta mereka mempertahankan tanah rizab Melayu

tetapi respons mereka mengecewakan. Mereka tidak berminat untuk menggantikan kepada orang Melayu kerana nilainya yang rendah berbanding dijual kepada orang bukan Melayu," katanya.

Menurutnya, Jabatan Peguam Negara sendiri telah mengingatkan, pihak berkuasa negeri perlu mengganti semula tanah rizab yang digunakan bagi projek awam seperti lebuhraya dan sekolah dengan mengeluarkan warta.

Bagaimanapun katanya, pihak pemaju dalam negara yang hampir keseluruhan terdiri daripada kaum Cina menyokong supaya kerajaan negeri tidak mengeluarkan warta berkenaan.

"Isu tanah rizab boleh menyelamatkan orang Melayu sekiranya kerajaan negeri menggantikan tanah rizab yang diwartakan keluar daripada kawasan tanah rizab mengikut perkara 89 (3) Perlembagaan Persekutuan.

"Semua kerajaan negeri juga perlu memasukkan peruntukan baharu dalam Enakmen Rizab Melayu bagi membolehkan pemilik tanah Melayu dapat mengisytiharkan tanah milik mereka sebagai tanah rizab Melayu seperti negeri Johor," katanya.

Perkasa jadikan tanah rizab Melayu sebagai perjuangan utama

KUALA LUMPUR 26 Okt. - Pertubuhan Pribumi Perkasa Malaysia (Perkasa) akan menjadikan perjuangan mengembalikan semula tanah rizab Melayu sebagai antara keutamaan penting demi menjamin kelangsungan orang Melayu.

Presidennya, Datuk Ibrahim Ali berkata, memorandum mengenai nasib tanah rizab Melayu yang mesti segera diganti serta langkah-langkah drastik yang perlu dilakukan oleh kerajaan akan diserahkan kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak pada bulan depan.

Serentak itu, beliau menggesa kerajaan mengembalikan semula jumlah tanah rizab Melayu yang hilang, kerana perkara itu termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan selain dinyatakan secara jelas melalui wasiat raja-raja Melayu.

"Ancaman terhadap Melayu kini semakin bertambah, kuasa Melayu sudah seperti telur di hujung tanduk. Selepas pelbagai cubaan untuk menghakis kuasa politik Melayu kini kita dikejutkan pula dengan jumlah tanah rizab Melayu yang cuma tinggal tidak sampai 12 peratus di seluruh negara.

"Kerajaan perlu mengambil langkah tegas untuk mengembalikan semula status tanah rizab Melayu yang hilang dan Perkasa akan menjadikan isu tanah rizab ini sebagai antara perjuangan utama,"



SEBAHAGIAN daripada peserta menghadiri program Wacana dan Forum Isu Tanah Rizab Melayu di Dewan Utama ISTAC, Jalan Duta, Kuala Lumpur, semalam.

katanya semasa berucap dalam majlis Wacana Isu Tanah Rizab Melayu di sini hari ini.

Menurut Ibrahim, bagi memastikan perjuangan tersebut berjaya, seluruh orang Melayu dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) Melayu perlu bersama-sama Perkasa untuk mendesak Kerajaan Pusat dan kerajaan negeri agar peka dengan nasib tanah rizab Melayu.

"Walaupun tanah adalah bidang kuasa kerajaan negeri tetapi Kerpusat boleh memainkan peranan

penting memastikan kerajaan negeri terutama yang dikuasai Barisan Nasional menggantikan segera setiap tanah rizab Melayu yang digunakan untuk pembangunan.

"Dalam Perlembagaan jelas bahawa setiap tanah rizab Melayu yang ditukar status perlu diganti segera tetapi berapa banyak kerajaan negeri yang berbuat demikian. Sebab itu Kerajaan Persekutuan perlu campur tangan agar nasib orang Melayu terus terjamin," katanya.

Ganti segera tanah diambil untuk pembangunan

KUALA LUMPUR 26 Okt.

- Kerajaan perlu memastikan semua tanah rizab Melayu yang dibatalkan oleh pihak berkuasa negeri kerana diambil untuk tujuan pembangunan wajib digantikan semula dengan merizabkan satu kawasan dengan keluasan yang sama.

Bekas Ketua Hakim Negara, Tun Ahmad Fairuz Sheikh Abdul Halim berkata, perkara yang seharusnya dilakukan dengan sertamerta itu dinyatakan di dalam perkara 89 (3) (c) Perlembagaan Persekutuan.

"Banyak tanah rizab Melayu yang tidak diganti, ini berlaku kerana kerajaan negeri berdepan masalah lokasi tanah untuk dibangunkan yang tidak strategik dan mempunyai nilai pasa-



AHMAD FAIRUZ

ran rendah.

"Arahan itu juga perlu mengambil kira Enakmen Rizab Melayu pada 1933 yang memberi kuasa kepada Yang di-Pertuan Agong dalam budi bicara untuk memindah hak milik tanah rizab yang tidak diganti kepada pemilik," katanya semasa menjadi panel dalam Wacana dan Forum: Isu Tanah Rizab Melayu anjuran Biro Pemantauan dan Integriti Pertubuhan Pribumi Perkasa Malaysia (Perkasa) dan Institut Pemikiran dan Tamadun Islam Antarabangsa (Istac) di sini hari ini.

Yang hadir sama, Presiden Perkasa, Datuk Ibrahim Ali, Yang Dipertua Dewan Negara, Tan Sri Abu Zahar Ujang, bekas Ketua Polis Negara, Tun Haniff Omar, bekas Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah Tan Sri Aziz Samsuddin dan Mufti Perak, Tan Sri Harussani Zakaria.

Ahmad Fairuz berkata, kerajaan

negeri perlu menyelesaikan isu tersebut segera memandangkan keputusan Yang di-Pertuan Agong tidak boleh dipertikai dalam memainkan peranan penting membela kepentingan orang-orang Melayu.

Beliau berkata, perkara 13 Perlembagaan Persekutuan juga memberi kuasa kepada Kerajaan Persekutuan dan kerajaan negeri untuk mengambil dan menggunakan tanah-tanah bermilik secara paksa mengikut undang-undang.

Jelasnya, undang-undang itu haruslah memperuntukkan pengambilan dan penggunaan tanah-tanah bermilik dengan bayaran pampasan secukupnya.

"Jika tanah-tanah rizab Melayu diambil balik, bayaran pampasan hendaklah dibuat berdasarkan nilai kegunaan orang Melayu.

"Bagi tanah yang diambil untuk kegunaan oleh semua kaum pula, hendaklah dinilai seperti tanah di luar tanah rizab Melayu," katanya.